

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATUK WIRA DR NOOR ZARI BIN HAMAT
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN
BUDAYA
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
PAMERAN KEAJAIBAN TAKSIDERMI: KEHIDUPAN ABADI &
PELANCARAN KEMPEN DERMA KOLEKSI
PADA 7 DISEMBER 2021
DI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Terima kasih saudara pengacara majlis.

(SALUTASI DISEDIAKAN)

Para hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Muzium Malaysia kerana memberi peluang untuk saya hadir bersama Yang Berhormat Menteri MOTAC ke Majlis Perasmian Pameran Keajaiban Taksidermi: Kehidupan Abadi dan Pelancaran Kempen Derma Koleksi ini.
2. Saya difahamkan, majlis perasmian pameran ini adalah pertama kali diadakan pada tahun ini di Jabatan Muzium Malaysia (JMM) secara fizikal.
3. Sejak muzium ditutup kepada umum tahun lalu, pendapatan dan juga statistik pelawat turun secara mendadak selain banyak program

muzium yang dirancang terpaksa dibatalkan. Namun begitu, saya amat berbangga dengan JMM atas usaha dan inisiatif yang ditunjukkan dalam melaksanakan perkhidmatannya kepada masyarakat meskipun berdepan dengan situasi yang sukar ini.

4. Pelbagai program permuziuman telah berjaya dilaksanakan secara maya bagi meneruskan fungsi dan peranan muzium dengan sebaiknya. Saya dimaklumkan bahawa pameran yang akan dirasmikan pada hari ini telah pun dibuka kepada orang ramai bermula 18 Oktober yang lalu. Mudah-mudahan pameran ini dapat menarik lebih ramai pelawat untuk kembali mengunjungi sekaligus merencanakan semula sektor pelancongan domestik.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Dalam hal ini, saya mengharapkan agar JMM akan terus mempergiatkan fungsinya dalam usaha pengumpulan, pemulihan serta pengekalan khazanah sejarah, budaya dan alam semulajadi Negara. JMM juga terus memperkukuh peranannya sebagai penyebar ilmu pengetahuan kepada masyarakat menerusi pelbagai aktiviti permuziuman khususnya pameran dan program pendidikan atau pengembangan muzium.

6. Menerusi Pameran Keajaiban Taksidermi: Kehidupan Abadi ini, orang ramai berpeluang mengenali dan memahami apa itu taksidermi dan bagaimana bidang ini berkembang dalam sejarah negara kita. Sangat jarang untuk kita mendapat peluang melihat spesimen-spesimen haiwan khususnya dari spesis terancam yang diawet sebagaimana yang dipamerkan menerusi pameran ini. Salah satu tarikan utama pameran ini adalah spesimen badak sumatera yang telah pupus dan diawet sejak 120

tahun yang lampau. Ambillah peluang ini untuk membawa anak-anak kita ke muzium agar mereka kenal sejarah dan budaya yang diwarisi zaman-berzaman yang menjadi identiti dan jati diri masyarakat Malaysia pada hari ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Pada hari ini JMM juga akan melancarkan Kempen Derma Koleksi yang akan disempurnakan Yang Berhormat Menteri sebentar lagi. Saya melihat kempen ini sebagai suatu usaha yang sangat baik bagi menggalakkan masyarakat menyumbang koleksi mengenai warisan sejarah, seni budaya dan alam semula jadi yang ada dalam simpanan mereka kepada pihak muzium. Selain itu, inisiatif ini juga dapat memberi peluang kepada penderma koleksi untuk berkongsi pengetahuan bersama seluruh rakyat Malaysia di mana artifak dan spesimen yang disumbangkan kepada muzium ini dapat dijadikan sebagai bahan pameran dan objek kajian oleh para sarjana dan penyelidik sama ada dari dalam mahu pun luar negara.

8. Bukan itu sahaja, kempen ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran seluruh rakyat Malaysia akan peri pentingnya menyumbangkan koleksi persendirian yang berada di simpanan mereka untuk terus dipulihara dan dipelihara oleh pihak muzium yang berkepakaran. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada para hadirin dan seluruh Keluarga Malaysia agar memberi sokongan kepada pihak muzium dalam usaha memastikan kelestarian artifak warisan sejarah negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ketua Pengarah dan seluruh warga Jabatan Muzium Malaysia atas usaha berterusan untuk mempelbagaikan aktiviti permuziuman dan pameran yang menarik serta berimpak tinggi. Saya percaya, JMM akan terus mencipta kejayaan dengan program-program besar yang telah disusun dan bakal dilaksanakan pada tahun hadapan dengan sokongan padu Kementerian. Insya Allah, sama-sama kita doakan suasana yang lebih selamat di tahun 2022 agar muzium dan semua agensi di bawah MOTAC juga dapat aktif seperti sediakala.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.